

Prestasi 1996

Tinjauan Keseluruhan

Pengurusan dasar fiskal dan operasi belanjawan tahun 1996 terus ditumpukan kepada belanjawan berhemat dan pengukuhan kedudukan kewangan. Perbelanjaan berhemat bersama-sama dengan dasar kewangan yang lebih ketat, telah membantu kearah pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan kestabilan harga serta imbalan pembayaran. Secara khusus, disiplin fiskal dan perbelanjaan yang berhati-hati telah menyumbang kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang kukuh bagi empat tahun berturut-turut semenjak tahun 1993. Prestasi hasil yang kukuh masih berterusan, berikutan terutamanya daripada terimaan cukai pendapatan yang lebih tinggi. Kecuali pertambahan emolumen, pencen dan ganjaran kerana pelarasan gaji, pertambahan perbelanjaan mengurus yang lain adalah kecil, mencerminkan kawalan belanjawan yang ketat oleh Kerajaan Persekutuan. Pertambahan perbelanjaan pembangunan juga kecil dengan tumpuan yang lebih diberi kepada usaha-usaha untuk mengurangkan kesesakan infrastruktur, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan sumber manusia dan juga untuk memenuhi matlamat sosio-ekonomi negara.

Sementara kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan terus kukuh, kedudukan kewangan sektor awam disatukan pula dijangka mencatat defisit keseluruhan sebanyak RM1,692 juta atau 0.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tahun 1996 (1995: lebih sebanyak RM2,588 juta atau 1.2%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1. Defisit yang semakin besar ini adalah berikutan daripada lebihan semasa yang lebih kecil bagi Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Lebihan semasa PABK pada

Jadual 5.1
Kedudukan Kewangan Sektor Awam
Disatukan
(RM juta)

	1995 ¹	1996 ²	1997 ³
Akaun semasa:			
Sektor kerajaan:			
Hasil	63,352	69,927	73,363
Perbelanjaan mengurus	42,252	48,400	47,167
Baki akaun semasa	21,100	25,527	26,196
Lebihan semasa PABK ⁴	14,103	13,508	18,029
Lebihan semasa Sektor Awam	35,203	35,035	44,225
Akaun pembangunan:			
Perbelanjaan pembangunan	32,615	36,727	39,500
Sektor kerajaan	773	17,391	20,310
PABK	14,842	19,336	19,305
Baki keseluruhan	2,588	(1,692)	4,725
Peratus kepada KNK	1.2	-0.7	1.8

Note: ¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1997

⁴ Tidak termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

tahun 1996 dijangka lebih rendah berikutan pertambahan hasil yang perlahan iaitu 7.2% berbanding dengan pertambahan perbelanjaan mengurus sebanyak 11.3%. Bagi sektor kerajaan pula, baki akaun semasa dijangka lebih besar sedikit iaitu RM21,527 juta (1995: RM21,100 juta), berikutan baki akaun semasa Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah, disebabkan perbelanjaan mengurus yang tinggi kerana pelarasan gaji dan bayaran tunggakan kakitangan awam.


Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka bertambah sebanyak 12.6% kepada RM36,327 juta. Daripada jumlah tersebut, 52.6% dibelanjakan oleh PABK dan bakinya oleh sektor kerajaan. Perbelanjaan pembangunan sektor awam yang lebih tinggi pada tahun 1996 disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan PABK yang dijangka meningkat sebanyak 30.3%. Ini, sebahagian kecilnya, telah mengimbangi kejatuhan sebanyak 2.1% perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan.

Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1996 dijangka mencatatkan lebih bagi tahun keempat berturut-turut semenjak tahun 1993, seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.2. Jumlah hasil dijangka meningkat dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 10.9% pada tahun 1996 berbanding dengan pertambahan 3% pada tahun 1995, disumbangkan terutamanya oleh terimaan cukai langsung yang lebih tinggi, khususnya cukai pendapatan syarikat. Perbelanjaan mengurus pada tahun 1996 dijangka bertambah 14.2%, lebih tinggi daripada 4.3% yang dicatatkan pada tahun 1995 berikutan pelarasan gaji kakitangan awam. Walaupun kadar pertambahan perbelanjaan mengurus lebih tinggi

Carta 5.1

Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa



Jadual 5.2			
Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 1995-1997 (RM juta)			
	1995 ¹	1996 ²	1997 ³
Hasil	50,954	56,449	60,778
Perbelanjaan mengurus	36,573	41,783	41,713
Baki semasa	14,381	14,716	19,065
Perbelanjaan pembangunan kasar	14,051	14,949	16,769
Terimaan balik pinjaman	1,531	1,669	1,650
Perbelanjaan pembangunan bersih	12,520	13,820	15,119
Baki keseluruhan	1,861	1,436	3,946

- ¹ sebenar
² anggaran disemak
³ anggaran Belanjawan

daripada hasil, akaun semasa Kerajaan Persekutuan masih kukuh dengan lebih sebanyak RM14,716 juta. Lebih tersebut lebih tinggi daripada RM14,381 juta dalam tahun 1995, dan anggaran Belanjawan sebanyak RM14,173 juta. Perbelanjaan pembangunan dijangka mencatatkan pertambahan sebanyak 12.2% berbanding dengan 24.6% pada tahun 1995. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah untuk projek sambungan Rancangan Malaysia Keenam memandangkan tahun 1996 merupakan tahun pertama Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Dengan demikian, baki keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan lebih sebanyak RM1,436 juta (1995: RM1,861 juta).


Hasil

Perkembangan ekonomi yang pesat akan terus memberi kesan yang menggalakkan kepada hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 1996. Walaupun beberapa langkah percukaian telah diperkenalkan

dalam Belanjawan 1996, yang mengakibatkan kehilangan hasil potensi bersih sebanyak RM457 juta¹, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 10.9% kepada RM56,449 juta pada tahun 1996. Sebahagian besar daripada pertambahan tersebut berpunca daripada hasil cukai yang dijangka meningkat 10.3%, daripada RM41,671 juta pada tahun 1995 kepada RM45,943 juta pada tahun 1996, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

Kutipan hasil daripada cukai langsung dijangka bertambah 9.5% kepada RM24,853 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.4. Daripada jumlah tersebut, penerimaan daripada cukai pendapatan yang meliputi cukai pendapatan syarikat, individu, dan petroleum dijangka bertambah 10.8% kepada RM21,734 juta. Kutipan daripada cukai pendapatan syarikat dijangka bertambah 13.1% kepada RM13,240 juta pada tahun 1996, kerana pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 1995. Berikutan kadar cukai pendapatan individu telah dikurangkan antara 1 hingga 2 mata peratusan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996, dan mengakibatkan kehilangan hasil potensi sebanyak RM478 juta, pertumbuhan kutipan hasil daripada cukai

Carta 5.2
Peratusan Defisit / Lebihan Keseluruhan
Kepada Keluaran Negara Kasar



Jadual 5.3

Hasil Kerajaan Persekutuan

	1995 ¹		1996 ²		1997 ³	
	(RM juta) (%) perubahan)		(RM juta) (%) perubahan)		(RM juta) (%) perubahan)	
Jumlah hasil	50,954	(+3.0)	56,499	(+10.9)	60,778	(+7.6)
Jumlah hasil cukai	41,671	(+11.2)	45,943	(+10.3)	49,845	(+8.5)
Cukai langsung	22,699		24,853		26,908	
Cukai tidak langsung	18,972		20,090		22,936	
Jumlah hasil bukan cukai	9,283	(-22.4)	10,556	(+13.7)	10,933	(+3.6)


Nota: ¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1997.

¹ Langkah-langkah cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 1996 telah menambah hasil potensi sebanyak RM440 juta, terutamanya dari kutipan levi ke atas kenderaan barang dan pada masa yang sama kehilangan hasil potensi sebanyak RM877 juta, terutamanya daripada cukai pendapatan individu.

Carta 5.3
Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



pendapatan individu dijangka berkurangan sebanyak 12.1% menjadi RM6,145 juta. Kejatuhan yang kecil ini mencerminkan peningkatan kecekapan jentera kutipan hasil dan pelaksanaan Skim Potongan Cukai Berjadual semenjak tahun 1995, serta paras pendapatan individu yang lebih tinggi. Pengurangan kadar cukai individu akan mengurangkan beban cukai bagi golongan berpendapatan rendah dimana mereka yang berada dalam kumpulan pendapatan bercukai RM2,500 dan ke bawah, dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan. Pada masa yang sama, kadar cukai bagi kumpulan pendapatan tertinggi telah disamakan dengan kadar cukai syarikat iaitu 30%.

Kutipan daripada cukai pendapatan petroleum dan duti setem juga dijangka meningkat. Walaupun kadar cukai pendapatan petroleum telah dikurangkan sebanyak lima mata peratusan kepada 40% berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1994, hasil cukai petroleum dijangka bertambah 7.5% kepada RM2,350 juta pada tahun 1996, berikutan harga petroleum yang lebih tinggi iaitu AS\$18.34 setong pada tahun 1995 berbanding dengan AS\$17.08 setong pada tahun 1994. Prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur yang menggalakkan

Jadual 5.4
Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan

	1995 ¹		1996 ²		1997 ³	
	(RM juta)	(% perubahan)	(RM juta)	(% perubahan)	(RM juta)	(% perubahan)
Cukai Pendapatan	20,095	(+15.9)	21,734	(+8.2)	23,545	(+8.3)
Syarikat	11,707	(+10.8)	13,240	(+13.1)	14,326	(+8.2)
Individu	6,203	(+35.9)	6,156	(-0.9)	6,649	(+8.2)
Petroleum	2,185	(-1.2)	2,350	(+7.5)	2,570	(+9.4)
Lain-lain	2,604	(-10.8)	3,119	(+19.8)	3,364	(+7.8)
Duti setem	2,192		2,574		2,780	
Lain-lain	412		545		584	
JUMLAH	22,699	(+12.6)	24,853	(+9.5)	26,908	(+8.3)

Nota : ¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1997.

dijangka akan meningkatkan kutipan duti setem daripada RM2,192 juta pada tahun 1995 kepada RM2,574 juta pada tahun 1996. Kutipan daripada cukai-cukai langsung yang lain, termasuk terimaan dari duti harta pusaka dan cukai keuntungan harta, dijangka meningkat 32.2% kepada RM545 juta.

Walaupun duti import, duti eksais dan cukai jualan keatas sebahagian besar barangan telah dihapus atau dikurangkan, terimaan daripada cukai tidak langsung dijangka meningkat lagi dengan kadar 11.2% kepada RM20,090 juta pada tahun 1996 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.5. Dalam Belanjawan 1996, duti import keatas lebih daripada 1,510 jenis barangan telah dihapuskan, termasuklah bahan makanan daripada buah-buahan, barangan rumah dan bahan-bahan mentah untuk perkilangan. Pengurangan ini telah mengakibatkan kehilangan hasil potensi sebanyak RM312 juta. Bagaimanapun, hasil daripada duti import dijangka meningkat sebanyak 10.7%

berbanding dengan peningkatan 0.1% pada tahun 1995 berikutan import yang lebih tinggi. Kutipan daripada duti eksais dijangka berkurangan 8.4% berbanding dengan pertambahan 22.9% pada tahun 1995, mencerminkan penggunaan dalam negeri yang meningkat dengan lebih perlahan. Kutipan daripada cukai jualan dijangka bertambah 8.8% sementara daripada cukai perkhidmatan dijangka meningkat 15.2%. Hasil daripada duti eksport (kebanyakannya petroleum) dijangka bertambah 9.1% berbanding dengan kejatuhan 26.3% pada tahun 1995 berikutan harga petroleum yang lebih tinggi.

Kutipan hasil bukan cukai dan kutipan bukan hasil dijangka meningkat sebanyak 13.7% selepas mencatat kejatuhan besar 22.4% pada tahun 1995, disumbangkan oleh kutipan cukai jalan yang lebih tinggi yang dijangka meningkat 9.9%. Peningkatan tersebut berpunca daripada peningkatan pendaftaran kenderaan bermotor pada tahun 1996

Jadual 5.5
Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan

	1995 ¹		1996 ²		1997 ³	
	(RM juta) (% perubahan)		(RM juta) (% perubahan)		(RM juta) (% perubahan)	
Duti eksport	853	(-26.3)	931	(+9.1)	975	(+4.8)
Duti import	5,622	(0.1)	6,223	(+10.7)	6,683	(+7.4)
Duti eksais	5,280	(+22.9)	5,721	(+8.4)	6,292	(+10.0)
Cukai jualan	4,869	(+17.9)	5,299	(+8.8)	5,736	(+8.3)
Cukai perkhidmatan	1,016	(+23.2)	1,170	(+15.2)	1,357	(+15.9)
Lain-lain	1,332	(2.4)	1,746	(31.1)	1,893	(+8.4)
JUMLAH	18,972	(+9.5)	21,090	(+11.2)	22,936	(+8.8)

Nota: ¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1997.

serta kenaikan kadar cukai jalan keatas kereta yang mempunyai kapasiti enjin yang lebih besar. Pada tahun 1996, tiada sebarang penerimaan dijangka daripada jualan saham kerajaan.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dijangka lebih tinggi pada tahun 1996 iaitu meningkat 14.2% menjadi RM41,783 juta berbanding dengan pertambahan 4.3% pada tahun 1995, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.6. Ini disebabkan oleh tambahan perbelanjaan sebanyak RM1,113 juta bagi emolumen, pencen dan ganjaran berikutan pelarasan gaji kakitangan awam. Dari segi perbelanjaan mengikut kategori, emolumen masih merupakan komponen terbesar daripada perbelanjaan mengurus, iaitu kira-kira 32.1%, diikuti oleh bayaran khidmat hutang (15.6%) dan bekalan dan perkhidmatan (14.3%).


Perbelanjaan bagi emolumen dijangka meningkat sebanyak 10.8% kepada RM14,512 juta kerana pelarasan gaji kakitangan awam dan untuk memenuhi pengambilan kakitangan baru bagi perkhidmatan-perkhidmatan perlu, khususnya

Jadual 5.6

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek (RM juta)

	1996 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1997 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Emolumen	14,512	34.7	14,906	35.7
Bayaran khidmat hutang	6,511	15.6	6,595	15.8
Pemberian dan serahan kepada Kerajaan negeri	1,483	3.6	1,556	3.7
Pencen dan ganjaran	3,864	9.2	3,648	8.8
Bekalan dan perkhidmatan	5,975	14.3	5,890	14.1
Subsidi	708	1.7	753	1.8
Lain-lain	8,730	20.9	8,365	20.1
JUMLAH	41,783	100.0	41,713	100.0

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



pelajaran dan kesihatan. Dari segi bilangan jawatan, sejumlah 12,115 jawatan telah dimansuhkan sehingga akhir tahun 1995, selaras dengan usaha menyesuaikan saiz sektor awam. Di samping itu, 6,181 jawatan baru telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan perkhidmatan pelajaran, kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan perlu yang lain.

Bayaran khidmat hutang kekal menjadi komponen perbelanjaan mengurus yang kedua terbesar, berjumlah RM6,518 juta atau 15.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah ini, 88.5% adalah untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri berbanding dengan 86.4% pada tahun 1995. Pertambahan bayaran khidmat hutang dalam negeri disebabkan oleh penebusan yang lebih besar bagi sekuriti kerajaan. Sebaliknya, bayaran khidmat hutang luar negeri berkurangan sebanyak 2.3% disebabkan hutang luar negeri yang semakin kecil berikutan pembayaran balik awal pinjaman luar negeri yang dibuat dalam tahun-tahun lepas.

Perbelanjaan bagi **bekalan dan perkhidmatan** dijangka meningkat sebanyak 0.5% kepada RM5,975 juta berbanding dengan pertambahan 21.2% pada tahun 1995. Pertambahan tersebut terutamanya untuk program penyenggaraan jalan, hospital, sekolah dan bangunan-bangunan kerajaan yang lain. Perbelanjaan bagi **pencen dan ganjaran** bertambah 40.3% daripada RM2,755 juta pada tahun 1995 kepada RM3,864 juta pada tahun 1996, berikutan pelarasan gaji. Dengan pelarasan tersebut, bayaran ganjaran telah meningkat 50%. Disamping itu, sejumlah RM828 juta telah diberi sebagai sumbangan tahunan kepada Kumpulanwang Amanah Pencen yang ditubuhkan pada tahun 1991.

Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dijangka meningkat sebanyak 5.3% kepada RM1,483 juta pada tahun 1996. Geran penyenggaraan jalan masih merupakan komponen terbesar dibawah kategori ini, berjumlah RM486 juta atau 31.8% daripada jumlah pemberian. Pemberian mengikut kiraan kepala berjumlah RM203 juta atau 13.3%, manakala pemberian pengurusan 50% bagi jabatan gunasama berjumlah RM185 juta atau 12.1% daripada jumlah pemberian. Perbelanjaan bagi **subsidi** dijangka meningkat sebanyak 15.6%, sebahagian besar untuk subsidi bahan-bahan petroleum dan pinjaman buku teks. Subsidi untuk bahan-bahan petroleum dijangka meningkat daripada RM123 juta pada tahun 1995

Jadual 5.7
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor
(RM juta)

	1996 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1997 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Keselamatan	6,203	14.8	6,342	15.2
Pertahanan	3,629	9.1	3,852	9.2
Keselamatan dalam negeri	2,574	6.2	2,490	6.0
Perkhidmatan sosial	13,427	32.1	14,532	34.8
Pelajaran	9,259	22.2	10,297	24.7
Kesihatan	2,808	6.7	2,893	6.9
Perumahan	196	0.5	112	0.3
Lain-lain	1,164	2.8	1,230	2.9
Perkhidmatan ekonomi	5,286	12.7	4,048	9.7
Pertanian	1,625	3.9	1,232	3.0
Kemudahan awam	215	0.5	107	0.3
Perdagangan dan perindustrian	2,296	5.5	1,256	3.0
Pengangkutan	1,073	2.6	1,385	3.3
Perhubungan	32	0.1	33	0.1
Lain-lain	47	0.1	35	0.1
Pentadbiran	5,208	12.4	5,098	12.2
Lain-lain	11,659	27.9	11,693	28.0
JUMLAH	41,783	100.00	41,713	100.00

kepada RM140 juta pada tahun 1996, manakala subsidi buku teks dijangka meningkat daripada RM89 juta kepada RM94 juta.

Dari segi klasifikasi mengikut sektor, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.7, perbelanjaan yang paling besar ialah di sektor **perkhidmatan sosial** yang dijangka bertambah sebanyak 10.6% kepada RM13,427 juta, atau merupakan 32.1% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Pertambahan tersebut adalah untuk memenuhi perbelanjaan yang lebih tinggi bagi pelajaran dan kesihatan. Sejumlah RM9,259 juta atau 68.9% adalah untuk pelajaran manakala RM2,808 juta atau 20.9% adalah untuk kesihatan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah untuk emolumen guru serta pegawai dan kakitangan perubatan

dan untuk perkhidmatan dan bekalan. Perbelanjaan bagi **sektor keselamatan** yang merupakan 14.8% daripada jumlah perbelanjaan mengurus, dijangka meningkat sebanyak 3.3% kepada RM6,203 juta, terutamanya untuk pembelian bekalan dan perkhidmatan dan untuk emolumen. Daripada jumlah perbelanjaan sektor keselamatan, sebanyak 58.5% adalah untuk sektor kecil pertahanan manakala bakinya untuk keselamatan dalam negeri. Perbelanjaan untuk **pentadbiran am** dijangka merupakan 12.5% dan **perkhidmatan ekonomi** 12.7% daripada jumlah perbelanjaan mengurus tahun 1996. Perbelanjaan bagi sektor perkhidmatan ekonomi dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 84.2% kepada RM5,826 juta. Di bawah sektor ekonomi, sektor kecil pertanian dan pembangunan luar bandar merupakan sektor kecil yang terbesar iaitu 37% daripada jumlah perkhidmatan ekonomi, diikuti oleh sektor kecil perdagangan dan perindustrian 31.8%.

Perbelanjaan Pembangunan


Teras perbelanjaan pembangunan pada tahun 1996 terus ditumpukan kepada sektor-sektor strategik, khususnya infrastruktur dan pembangunan sumber manusia serta menaikkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 1996 dijangka berjumlah RM14,949 juta atau 6.4% lebih tinggi daripada tahun 1995, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.8, dengan pertambahan besar

Jadual 5.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Ekonomi (RM juta)

	1996	%	1997	%
	Anggaran	Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	Sumbangan
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,300	17.4	1,350	17.0
Kemudahan awam	714	9.6	1,092	13.7
Perdagangan dan perindustrian	1,425	19.1	1,403	17.7
Pengangkutan	3,998	53.5	4,063	51.1
Perhubungan	2	0.0	8	0.1
Lain-lain	28	0.4	32	0.4
JUMLAH	7,467	100.00	7,948	100.00

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor



bagi sektor kecil pengangkutan, kesihatan, kemudahan awam dan perdagangan dan perindustrian.

Perbelanjaan bagi projek-projek infrastruktur dijangka masih besar iaitu RM4,712 juta atau 31.5% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan, dimana 26.7% adalah untuk sektor kecil pengangkutan. Projek-projek pengangkutan termasuklah pembinaan Jalan Lingkaran Tengah II, jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Berang dan jalan-jalan di Sabah dan Sarawak. Fasa pertama projek Transit Aliran Ringan dari Jalan Ampang ke Jalan Sultan Ismail hampir siap. Fasa kedua yang menghubungkan Gombak dan Petaling Jaya telah bermula pada tahun 1996. Penglibatan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam projek-projek ini berjumlah RM1,260 juta dalam bentuk pinjaman mudah. Selain daripada itu, kemudahan dilapangan terbang juga dipertingkatkan, khususnya di Pulau Tioman, Langkawi, Tawau, Sibu dan Bintulu bagi memenuhi jangkaan pertambahan penumpang, terutamanya kesan usaha-usaha menggalakkan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan.

Program bagi kemudahan awam, meliputi bekalan air dan elektrik, dijangka meningkat dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM793 juta. Daripada jumlah tersebut, 63.2% akan dibelanjakan untuk bekalan air manakala 36.8% untuk bekalan elektrik, khususnya program bekalan elektrik luar bandar.

Sejumlah RM1,300 juta akan dibelanjakan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.9. Ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Mulai tahun 1996, Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas tahunan sebanyak RM200 juta bagi penyenggaraan jalan-jalan luar bandar, termasuk jalan-jalan di bawah FELDA, FELCRA, RISDA dan lembaga-lembaga pembangunan wilayah. Program-program dibawah pembangunan tanah, pembangunan pertanian bersepadu, pengairan dan saliran merupakan 61.1% daripada perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Program ini termasuklah tanaman semula getah, ternakan, perikanan dan perhutanan.

Sejumlah RM1,425 juta dijangka dibelanjakan untuk pembangunan perindustrian, penyelidikan industri serta untuk pelancongan seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.10. Program penyelidikan perindustrian merupakan bahagian yang terbesar

Jadual 5.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Pertanian dan Pembangunan Luar bandar (RM juta)

	1996 Anggaran	% Sumbangan	1997 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian	369	28.4	380	28.1
Pembangunan tanah	176	13.5	168	12.4
Pengairan dan saliran	257	19.8	267	19.8
Tanaman semula getah	304	23.4	196	14.5
Perikanan	79	6.1	115	8.5
Ternakan	26	2.0	42	3.1
Perhutanan	8	0.6	37	2.7
Lain-lain	81	6.2	145	10.7
JUMLAH	1,300	100.00	1,350	100.00

Jadual 5.10

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Perdagangan dan Perindustrian (RM juta)

	1996 Anggaran	% Sumbangan	1997 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pembangunan perindustrian	653	45.8	616	43.9
Pelancongan	208	14.6	178	12.7
Penyelidikan perindustrian	422	29.6	528	37.6
Lain-lain	142	10.0	81	5.8
JUMLAH	1,425	100.00	1,403	100.00

iaitu 45.8% atau RM653 juta. Bagi meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan seterusnya mengukuhkan asas teknologi dalam ekonomi, sebanyak RM422 juta akan dibelanjakan untuk penyelidikan perindustrian. Ianya dijangka dilaksanakan oleh Institut Perhutanan Malaysia, Unit Tenaga Nuklear dan Institut Standard dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM). SIRIM telah diperbadankan pada bulan September 1996 bagi membolehkan organisasi tersebut memberi tumpuan kepada penyelidikan industri. Menyedari peranan industri pelancongan sebagai sumber pendapatan asing utama, sejumlah RM208 juta akan dibelanjakan untuk projek-projek dibawah pelancongan terutamanya meningkatkan kemudahan dan membangunkan produk-produk pelancongan.

Perbelanjaan pembangunan bagi **perkhidmatan sosial** dijangka meningkat sebanyak 7.8%, dengan sektor kecil pendidikan merupakan yang terbesar, diikuti oleh perkhidmatan kesihatan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.11. Pertambahan perbelanjaan bagi pendidikan mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang diperlukan oleh negara. Sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembinaan bangunan sekolah, menaikkan taraf kemudahan pembelajaran dan pembangunan institusi pendidikan tinggi. Sebanyak RM250 juta akan dibelanjakan untuk pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Islam

Antarabangsa. Bagi mempertingkatkan kemudahan kesihatan dan kualiti hidup, terutamanya di kawasan luar bandar, sejumlah RM108 juta akan dibelanjakan untuk perkhidmatan kesihatan awam luar bandar. Ini termasuklah pembinaan 47 pejabat kesihatan dan pusat kesihatan baru dan 37 klinik luar bandar dan rumah bidan yang baru. Perbelanjaan bagi kemudahan kesihatan seperti peralatan hospital, dijangka berjumlah RM202 juta.

Perbelanjaan bagi perumahan dijangka meningkat 8.1% kepada RM435 juta, dimana RM71 juta adalah untuk projek-projek perumahan kos rendah. Disamping itu, peruntukan juga disediakan melalui dua tabung khas, iaitu Dana Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah (DMPKR) dan Tabung Pusingan Pembangunan Perumahan Kos Rendah (TPPPKR), kedua-duanya bertujuan mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah bagi mengurangkan masalah perumahan yang dihadapi oleh kumpulan berpendapatan rendah. Perbelanjaan bagi program perumahan untuk anggota tentera dan polis berjumlah RM230 juta, bagi pembinaan rumah guru luar bandar berjumlah RM70 juta, manakala untuk perumahan pegawai kastam berjumlah RM50 juta. Program-program lain di bawah sektor perkhidmatan sosial seperti penerangan dan penyiaran, kebudayaan, belia dan sukan dan lain-lain dijangka merupakan 25% daripada jumlah perbelanjaan sektor perkhidmatan sosial.

Perbelanjaan bagi **sektor keselamatan** dijangka berkurangan 1.6% kepada RM2,840 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2,516 juta atau 88.6% dijangka dibelanjakan oleh sektor kecil pertahanan untuk pemodenan angkatan tentera, termasuk meningkatkan kelengkapan. Baki RM324 juta adalah untuk keselamatan dalam negeri, khususnya untuk Polis Diraja Malaysia, bagi pembelian peralatan dan pembinaan balai polis dan pusat latihan.

Perbelanjaan untuk pentadbiran am dijangka berkurangan daripada RM1,210 juta pada tahun 1995 kepada RM854 juta pada tahun 1996. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM360 juta adalah untuk pembangunan pusat pentadbiran baru Putrajaya, RM478 juta untuk pembinaan bangunan pejabat yang lain serta untuk pembelian peralatan pejabat manakala RM8 juta untuk hal ehwal luar negeri.

Jadual 5.11

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Pkhidmatan Sosial (RM juta)

	1996 Anggaran	% Sumbangan	1997 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pelajaran	1,900	50.2	2,354	46.7
Kesihatan	505	13.3	579	11.5
Perumahan	435	11.5	929	18.4
Lain-lain	948	25.0	941	23.4
JUMLAH	3,788	100.00	5,036	100.00

Pembiayaan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang terus kukuh dalam tahun 1996 telah membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai sepenuhnya perbelanjaan mengurus dan pembangunan, tanpa perlu membuat pinjaman. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan akan membuat pinjaman sejumlah RM16,310 juta dalam tahun 1996 dari pasaran dalam negeri melalui penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bil Perbendaharaan hanya bagi memenuhi permintaan keatas sekuriti hutang dan khasnya bagi menyediakan aras perbandingan untuk pasaran bon tempatan. Dari jumlah ini, sebanyak RM15,019 adalah untuk menebus instrumen yang sedia ada, meliputi Bil Perbendaharaan sebanyak RM10,310 juta, SKM sebanyak RM3,809 juta dan Sijil Pelaburan berjumlah RM900 juta. Bakinya berjumlah RM1,291 juta akan digunakan untuk membayar balik pinjaman luar.


Pinjaman luar kasar Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1996 dijangka diperolehi dari pengeluaran pinjaman projek sedia ada berjumlah

RM600 juta dan pinjaman pasaran baru berjumlah RM152 juta. Kerajaan dijangka akan meneruskan program bayaran balik awal dan pembiayaan semula dalam tahun 1996. Oleh yang demikian, pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan aliran keluar yang lebih tinggi sebanyak RM1,957 juta berbanding dengan RM1,635 juta dalam tahun 1995.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dalam tahun 1996 dijangka mencatatkan kedudukan akaun semasa yang berkurangan terutamanya berikutan daripada kutipan hasil yang lebih kecil berbanding dengan kenaikan dalam perbelanjaan mengurus. Jumlah terimaan kerajaan negeri dalam tahun 1996 dijangka menurun 0.9% kepada RM9,276 juta, sementara perbelanjaan mengurus dijangka mencatatkan kenaikan 3%, menyumbang kepada lebihan sebanyak RM3,952 juta dalam akaun semasa kerajaan negeri, seperti ditunjukkan di Jadual 5.12. Walau bagaimana pun,

Carta 5.6
Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah
Ke Atas Hutang Kerajaan Persekutuan



Jadual 5.12

Kedudukan Kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri Disatukan (RM juta)

	1995 ¹	% Perubahan	1996 ²	% Perubahan
Akaun semasa				
Hasil	9,362	9.5	9,276	-0.9
Perbelanjaan mengurus	5,168	-0.8	5,323	3
Baki akaun semasa	4,194	25.4	3,952	-5.8
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,041	6.2	3,887	-3.8
Kumpulan wang pembangunan	3,362	8.1	3,532	5.1
Kumpulan wang bekalan air	679	-23	355	-47.7
Terimaan balik pinjaman	422		331	
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,619		3,556	
Baki keseluruhan	575		396	

¹ Anggaran sebenar

² Anggaran

dua negeri dijangka mencatatkan defisit akaun semasa antara RM10 juta kepada RM15 juta, iaitu Perlis dan Terengganu. Jumlah perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri dianggarkan berkurangan 3% kepada RM3,887 juta dalam tahun 1996. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan kerajaan negeri dijangka mencatatkan lebihan sebanyak RM396 juta dalam tahun 1996 (1995: RM575 juta).

Hasil kerajaan negeri dari **sumber sendiri** dijangka berkurangan 4.3% kepada RM7,667 juta dalam tahun 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 11.8% dalam tahun 1995. Kutipan hasil yang tinggi dijangka dicatatkan oleh lima negeri iaitu Sarawak, Sabah, Selangor, Johor dan Terengganu sementara negeri-negeri lain mencatatkan kutipan hasil yang lebih rendah.

Hasil bukan cukai yang meliputi 49.8% dari jumlah hasil negeri, dijangka meningkat 1.2% kepada RM4,620 juta dalam tahun 1996 (1995: RM4,562 juta). Hasil dari **petroleum dan perhutanan** terus kukuh, mencatatkan 30.4% daripada hasil sumber sendiri negeri-negeri. Royalti petroleum yang diterima oleh negeri Terengganu, Sarawak dan Sabah dijangka meningkat 19.3% daripada RM602 juta dalam tahun 1995 kepada RM614 juta dalam tahun 1996, berikutan daripada harga petroleum yang tinggi. Bagi negeri Terengganu, royalti petroleum dijangka berjumlah RM409 juta, iaitu menyumbangkan 90.7% kepada sumber hasil sendiri. Bagi Sabah, royalti petroleum berjumlah RM55 juta (3.8% dari jumlah hasil sumber sendiri), sementara royalti petroleum yang diterima oleh Sarawak berjumlah RM150 juta (6% dari jumlah hasil sumber sendiri). Hasil berasaskan hutan menyumbang sebanyak 22.3% daripada jumlah hasil sumber sendiri negeri-negeri dalam tahun 1996 (1995: 19.5%), dengan kutipan dijangka meningkat sebanyak 12.1% kepada RM1,717 juta, berbanding dengan RM1,532 juta dalam tahun 1995. Bagi Sabah, hasil dari perhutanan dijangka meningkat sebanyak 27.2% kepada RM697 juta, berbanding dengan RM548 juta dalam tahun 1995.

Pemberian Kerajaan Persekutuan terutamanya bagi penyenggaraan jalan, dijangka berkurangan sebanyak 13.1% kepada RM1,306 juta berbanding dengan RM1,503 juta dalam tahun 1995, menyumbangkan sebanyak 17% dari jumlah hasil negeri. Sementara itu bayaran ganti dari Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri dijangka kekal pada RM81 juta.

Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dijangka meningkat 3% kepada RM5,323 juta dalam tahun 1996 (1995: RM5,168 juta). Perbelanjaan

untuk emolumen adalah komponen terbesar dan dijangka meningkat 1.8% dalam tahun 1996 (1995: 6.6%). Ia berjumlah RM1,299 juta atau 20.4% dari jumlah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan keatas perkhidmatan dan bekalan dijangka meningkat 25.3% kepada RM1,891 juta.

Perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri dijangka lebih rendah dalam tahun 1996 menurun 3.8% kepada RM3,887 juta, khususnya bagi infrastruktur, pertanian, pengangkutan dan perdagangan dan industri. Kerajaan negeri akan memperuntukan perbelanjaan yang tinggi untuk perumahan selaras dengan program perumahan kerajaan bagi menyediakan rumah yang mencukupi, mampu dan berkualiti terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), sejumlah 29,000 unit rumah kos rendah dijangka akan dibina oleh kerajaan negeri. Oleh yang demikian perbelanjaan keatas perumahan kos rendah dianggarkan meningkat sebanyak 32.9% kepada RM423 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan RM344 juta dalam tahun 1995. Negeri-negeri yang memperuntukan jumlah yang besar bagi program ini ialah Pahang (RM74.4 juta), Kedah (RM25 juta) dan Johor (RM21.8 juta).

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Prestasi keseluruhan 31 PABK (jumlah PABK yang diawasi untuk tujuan analisis makroekonomi) dijangka terus kukuh dengan hasil berjumlah RM50,046 juta dalam tahun 1996, seperti ditunjukkan di Jadual 5.13. Walau bagaimanapun, kadar kenaikan hasil adalah lebih rendah iaitu sebanyak 7.3% berbanding dengan kenaikan sebanyak 9.5% dalam tahun 1995. Antara PABK yang mencatatkan peningkatan hasil termasuklah Petronas, Syarikat Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Selain dari itu, beberapa PABK yang kecil juga telah menunjukkan prestasi yang bertambah baik terutamanya disebabkan kejayaan penyusunan semula dan penyatuan syarikat-syarikat kerajaan yang dilakukan sejak tahun 1993 dan juga hasil dari kepelbagaian aktiviti mereka.

Perbelanjaan semasa PABK dijangka meningkat kepada RM36,538 juta dalam tahun 1996, iaitu meningkat 12.4% berbanding dengan kenaikan 22.2% dalam tahun 1995. Kadar kenaikan

Jadual 5.13

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
1995 - 1996
(RM juta)**

	1995	% Perubahan	1996	% Perubahan
Hasil ²	46,620	9.5	50,046	7.3
Perbelanjaan semasa	32,517	22.2	36,538	12.4
Pendapatan tertangguh	14,103		13,508	
Perbelanjaan pembangunan	14,842	-8.6	19,336	30.9
Baki keseluruhan	-740		-5,828	

¹ Merujuk kepada 32 PABK pada tahun 1995 dan 31 pada tahun 1996

² Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

hasil yang lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan semasa menyebabkan lebihan mengurus menurun kepada RM13,508 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan RM14,103 juta dalam tahun 1995. Lebihan ini dijangka disumbangkan oleh PABK yang besar terutamanya PETRONAS, TNB dan STMB.

Perbelanjaan pembangunan 31 PABK ini pula dianggarkan meningkat 30.3% dalam tahun 1996 (1995: -8.6%) kepada RM19,336 juta berikutan dari program pengembangan dan modenisasi beberapa PABK, terutamanya bagi projek infrastruktur dan juga sektor minyak dan gas dan sektor perkilangan. PETRONAS, TNB dan STMB mencatatkan jumlah perbelanjaan pembangunan terbesar, berjumlah RM15,386 juta atau 79.6% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan PABK dalam tahun 1996 (1995: 81.2% atau RM12,054 juta). Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan PETRONAS akan digunakan di dalam aktiviti hiliran sektor minyak dan gas.

Secara keseluruhannya, lebihan semasa yang kecil dan perbelanjaan pembangunan yang tinggi menyebabkan **akaun disatukan PABK** mencatatkan defisit yang lebih besar iaitu sebanyak RM5,828 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan defisit sebanyak RM740 juta dalam tahun 1995.


Dari segi penjualan pegangan saham kerajaan dalam PABK, Khazanah Nasional Berhad, syarikat

induk baru Kerajaan Persekutuan, telah menjual 83% pegangannya dalam HICOM kepada Mega Consolidated Sdn.Bhd. menjadikan pegangannya berkurangan kepada hanya 6.55%. Dengan mengambil kira pegangan Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu satu lagi syarikat induk Kerajaan Persekutuan, berjumlah 8.14%, kepentingan kerajaan dalam HICOM telah berkurangan kepada 14.69% berbanding dengan 46.69% sebelumnya. Dalam bulan September 1996, Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) telah diperbadankan dan dengan ini, ia dijangka dapat memperbaiki lagi prestasi pengurusan dan kewangan perbadanan tersebut.

Hutang Negara

Hutang negara dianggarkan akan meningkat pada kadar yang rendah sebanyak 5.4% kepada RM72,260 juta pada akhir tahun 1996, selepas meningkat sebanyak 14.8% dalam tahun 1995, seperti ditunjukkan di jadual 5.14. Dari segi peratusan hutang negara kepada KNK, ianya adalah lebih rendah iaitu 31.7% berbanding dengan 34% dalam tahun 1995.


**Carta 5.7
Hutang Kerajaan Persekutuan**



Hutang luar sektor awam yang meliputi hutang luar Kerajaan Persekutuan dan PABK dijangka berkurangan 0.6% kepada RM39,870 juta (1995: RM40,116 juta). Kedudukan hutang luar Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah baik, terutamanya disebabkan kedudukan kewangan yang kukuh dan juga kekukuhan nilai ringgit terhadap matawang utama (pada akhir Jun 1996, nilai ringgit meningkat kukuh sebanyak 1.84% terhadap dolar AS, 8.42% terhadap yen Jepun dan 7.71% terhadap deuschemark). Hutang luar Kerajaan Persekutuan dijangka akan berkurangan sebanyak 19.8% kepada RM10,675 juta dalam tahun 1996 (1995: RM13,331 juta).

Walau bagaimanapun, hutang luar PABK dijangka meningkat sebanyak 9.0% kepada RM29,195 juta dalam tahun 1996, dimana sebanyak 23.9% atau RM6,976 juta adalah hutang yang dijamin oleh Kerajaan (1995: RM8,867 juta atau 33.1% dari jumlah hutang luar PABK). Kenaikan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan pinjaman yang tidak dijamin yang meningkat 24% kepada RM22,219 juta (1995: RM17,918 juta). Kenaikan ini terutamanya untuk membiayai pelaburan dalam projek infrastruktur dan peningkatan kapasiti yang diperlukan bagi mengatasi kekangan infrastruktur dalam ekonomi.

Carta 5.8
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Sumber



Jadual 5.14
Hutang Negara

	1995			1996		
	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan	RM Juta	RM Perubahan	% Sumbangan
Sektor awam	40,116	7.4	58.5	39,870	-0.6	55.2
Kerajaan Persekutuan	13,331	-10.0	19.4	10,675	-19.9	14.8
PABK	26,785	18.9	39.1	29,195	9.0	40.4
Dijamin	8,867	-1.0	12.9	6,976	21.3	9.7
Tidak dijamin	17,918	31.9	26.1	22,219	24.0	30.7
Sektor swasta	28,451	27.5	41.5	32,390	13.8	44.8
Jumlah	68,569	14.9	100.0	72,260	5.4	100.0


Jadual 5.15**Hutang Kerajaan Persekutuan
(RM juta)**

Profil hutang	1995	% Sumbangan	1996	% Sumbangan
Hutang dalam negeri	78,038	100.0	79,329	100
Bil Perbendaharaan	4,320	5.5	4,320	5.4
Sijil Pelaburan	5,050	6.5	3,900	4.9
Sekuriti Kerajaan	64,719	82.9	66,910	84.3
2-3 tahun	—			
4-5 tahun	2,100			
6-10 tahun	12,336			
11-15 tahun	13,735			
16-21 tahun	36,548			
Pinjaman lain ¹	3,949	5.1	4,199	5.3
Hutang luar negeri	13,331	100.0	10,675	100
Pinjaman pasaran	6,231	46.7	5,042	47.2
Pinjaman projek	7,100	53.3	5,633	52.8
Kredit pembekal	—		—	
Jumlah	91,369		90,004	

¹ Terutamanya pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan

Hutang luar sektor swasta juga dijangka meningkat 13.8% kepada RM32,390 juta dalam tahun 1996 (1995: RM28,451 juta), terutamanya bagi mengambil peluang kos pinjaman yang lebih rendah di luar negara. Oleh yang demikian, nisbah hutang luar sektor swasta kepada hutang negara dijangka meningkat kepada 44.8% dalam tahun 1996 (1995: 41.5%).


Bayaran khidmat hutang negara dijangka meningkat daripada RM15,311 juta dalam tahun 1995 kepada RM16,060 juta dalam tahun 1996, di mana 50.5% adalah untuk bayaran khidmat hutang luar sektor awam. Bayaran khidmat hutang masih tinggi disebabkan lebih banyak pinjaman yang dijangka akan matang pada tahun 1996, bagi kedua-dua sektor awam dan swasta dan juga beberapa bayaran balik awal yang dibuat oleh sektor awam. Walau bagaimanapun, nisbah khidmat hutang negara dijangka menurun kepada 5.9% dalam tahun 1996 berbanding dengan 6.2% dalam tahun 1995.

Carta 5.9**Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang****Hutang Kerajaan Persekutuan**

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, meliputi hutang dalam dan luar negara, dijangka menurun sebanyak 1.5% kepada RM90,004 juta, seperti ditunjukkan di Jadual 5.15. SKM dan Bil Perbendaharaan adalah penyumbang utama kepada hutang dalam negeri, berjumlah RM71,230 juta (atau 89.8% dari jumlah hutang dalam negeri). Hutang lain dalam negeri terdiri daripada Sijil Pelaburan dan pinjaman Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan yang menyumbang 10.2% dari jumlah hutang dalam negeri.

Bagi hutang luar, jumlah bersih bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 19.7% kepada RM1,957 juta (1995: RM1,635 juta). Oleh yang demikian, hutang luar dijangka menurun kepada RM10,765 juta pada akhir 1996 (1995: RM13,331 juta), selepas mengambil kira penilaian semula bersih pertukaran asing.

Carta 5.10
Nisbah Khidmat Hutang Luar Negeri



Dari segi profil matawang hutang luar Kerajaan Persekutuan, pegangan dalam Dolar AS kekal sebagai pegangan terbesar berjumlah RM5,199 juta atau 48.3% daripada jumlah hutang luar Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pegangan ini lebih rendah daripada RM5,570 juta atau 41.8% dalam tahun 1995. Pegangan hutang dalam yen Jepun juga dijangka berkurangan daripada 42.2% dalam tahun 1995 kepada 38% dalam tahun 1996. Dari segi nilai dalam ringgit, pegangan ini dijangka berkurangan daripada RM5,627 juta dalam tahun 1995 kepada RM4,088 dalam tahun 1996. Pegangan matawang lain termasuk Swiss franc (5.8%), deuschemark (2.4%) dan pound sterling (2.6%).

Dari segi khidmat bayaran hutang, Kerajaan Persekutuan dijangka membuat bayaran berjumlah RM24,076 juta dalam tahun 1996 (1995: RM21,644 juta). Dari jumlah ini, sebanyak RM20,814 juta atau 86.5% akan digunakan untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri dan selebihnya untuk bayaran khidmat hutang luar negara. Bayaran balik hutang luar negara dijangka berkurangan sedikit kepada

RM1,963 juta berbanding dengan RM2,063 juta dalam tahun 1995. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira bayaran balik awal yang dijangka dibuat pada tahun ini, bayaran khidmat hutang luar Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat daripada RM2,949 juta dalam tahun 1995 kepada RM3,262 juta dalam tahun 1996. Namun begitu, dengan pertambahan pendapatan eksport yang kukuh, nisbah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1996 dijangka kekal rendah pada kadar 1.2% berbanding dengan 1.4% pada tahun 1995.

Tinjauan Tahun 1997

Tinjauan Keseluruhan

Perbelanjaan berhemat dan pengukuhan kewangan akan terus menjadi dasar Kerajaan dalam pengurusan kewangan sektor awam. Dengan sokongan dasar kewangan yang ketat, dasar fiskal dan operasi belanjawan 1997 akan mengarah kepada matlamat untuk mencapai lebih belanjawan yang lebih besar, terutamanya menerusi perbelanjaan penggunaan yang terkawal bagi membendung tekanan permintaan yang berlebihan dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Selaras dengan teras ini, baki keseluruhan sektor awam disatukan dijangka bertambah baik pada tahun 1997. Baki akaun semasa sektor awam disatukan dijangka meningkat berpunca dari lebih belanjawan semasa yang lebih besar bagi kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta PABK. Hasil sektor Kerajaan dijangka meningkat 4.9% sementara perbelanjaan mengurus berkurangan sebanyak 2.5%. Oleh itu, baki akaun semasa sektor kerajaan dijangka bertambah 21.7% kepada RM26.5 bilion berbanding dengan RM21.5 bilion tahun 1996. Begitu juga dengan PABK yang dijangka dapat mengekalkan lebih belanjawan semasa yang besar pada tahun 1997 berjumlah RM18 bilion berbanding dengan RM13.5 bilion pada tahun 1996. Dengan itu, lebih belanjawan sektor awam disatukan dijangka mencatat lebih belanjawan yang lebih besar iaitu RM44.2 bilion pada tahun 1997 berbanding dengan RM35 bilion pada tahun 1996.

Jumlah perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam pada tahun 1997 dijangka meningkat 7.6% kepada RM39.5 bilion. Pertambahan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan

pembangunan kedua-dua sektor kerajaan dan PABK. Pertambahan perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan disebabkan peningkatan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi memenuhi pelaksanaan projek-projek sambungan di bawah RM6 dan projek-projek baru di bawah RM7. Memandangkan lebih semasa yang lebih besar, baki keseluruhan sektor awam disatukan dijangka berjumlah RM4.7 bilion atau 1.8% daripada KNK berbanding dengan defisit sebanyak RM1.7 bilion atau 0.7% pada tahun 1996.

Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka lebih kukuh pada tahun 1997. Hasil Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 7.6% kepada RM60,778 juta, disebabkan terutamanya oleh kutipan yang lebih tinggi daripada kedua-dua cukai langsung dan cukai tidak langsung. Sebaliknya, perbelanjaan mengurus dijangka berkurangan sebanyak 5.3% kepada RM41,713 juta. Prestasi hasil yang lebih baik serta perbelanjaan mengurus yang berkurangan meningkatkan lagi lebihan semasa kepada RM19,065 juta pada tahun 1997. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman yang dijangka berjumlah RM1,650 juta, perbelanjaan pembangunan bersih pada tahun 1997 dijangka sebanyak RM15,119 juta. Oleh itu, baki keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan lebihan yang lebih tinggi iaitu RM3,946 juta atau 1.5% daripada KNK.

Teras perbelanjaan pembangunan pada tahun 1997 ialah mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan. Ini akan dicapai melalui penyediaan infrastruktur yang lebih meluas, peningkatan kualiti tenaga kerja melalui pembangunan sumber manusia serta meluaskan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dan menambah pelaburan dalam bidang sains dan teknologi. Pembangunan kawasan luar bandar akan terus diberi penekanan bagi mempertingkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Penekanan akan diberikan kepada penanaman semula, penyatuan dan pemulihan tanah serta perkhidmatan sokongan pertanian seperti kegiatan P&P, latihan, perkhidmatan pengembangan dan kegiatan-kegiatan pemasaran. Agenda sosial akan terus diberi penekanan yang lebih bagi mengatasi masalah sosial yang semakin meningkat khususnya dikalangan remaja. Pelajaran agama dan moral akan diperluaskan bagi menanam nilai-nilai murni

dan menggalakkan cara hidup yang sihat. Nilai-nilai moral dan etika akan ditekankan sebagai komponen penting dalam merangka program pembangunan sosial.

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan diramal meningkat 7.6% kepada RM60,778 juta berbanding dengan peningkatan 10.9% pada tahun 1996. Kebanyakan pertambahan dijangka berpunca daripada hasil cukai dan bukan cukai. Hasil cukai yang meliputi cukai langsung dan tidak langsung dijangka meningkat 8.5%. Lebih 88% daripada hasil cukai terdiri daripada cukai pendapatan iaitu cukai pendapatan syarikat, individu dan petroleum. Kedua-dua cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu dijangka meningkat 8.2%. Sumbangan daripada hasil berkaitan dengan petroleum dijangka masih pada paras tahun 1996 iaitu 14%.

Terimaan daripada cukai tidak langsung dijangka bertambah 8.8% kepada RM22,936 juta, berikutan kutipan yang diramal lebih tinggi daripada duti import, duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kutipan daripada duti import diramal meningkat 7.4% kepada RM6,683 juta selaras dengan jangkaan pertambahan import kasar. Hasil daripada duti eksais dijangka meningkat 10% kepada RM6,292 juta berikutan kegiatan perkilangan yang dijangka cergas sementara kutipan daripada cukai jualan dijangka meningkat selaras dengan jangkaan pertumbuhan perbelanjaan swasta. Sumbangan daripada cukai tidak langsung dijangka masih tinggi, sama dengan paras tahun 1996 iaitu 38%.

Kutipan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil dijangka meningkat 3.6%. Kutipan daripada cukai jalan dijangka meningkat 8% berikutan jualan kenderaan bermotor yang dijangka masih kukuh. Bagaimanapun, kutipan daripada royalti petroleum/gas dijangka meningkat daripada RM710 juta tahun 1996 kepada RM1,540 juta berikutan jangkaan permintaan yang lebih tinggi bagi gas.

Peruntukan Mengurus

Peruntukan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 1997 adalah sebanyak RM41,713 juta atau 0.2% lebih rendah daripada perbelanjaan 1996. Peruntukan bagi emolument adalah sebanyak RM14,906 juta dan masih merupakan komponen

terbesar perbelanjaan mengurus pada tahun 1997, iaitu 35.7%. Pertambahan tersebut adalah untuk memenuhi kenaikan gaji tahunan dan pengisian jawatan kosong dan jawatan-jawatan baru bagi perkhidmatan-perkhidmatan penting terutamanya pelajaran (9,411 jawatan baru bagi guru) dan kesihatan (1,250 jawatan baru bagi pegawai perubatan dan 4,675 untuk paramedik). Sebaliknya peruntukan bagi **bayaran khidmat hutang** dijangka meningkat sebanyak 1.3% kepada RM6,595 juta, atau 15.8% daripada peruntukan mengurus, disebabkan bayaran faedah yang lebih tinggi.

Peruntukan bagi **perkhidmatan dan bekalan** pada tahun 1997 adalah lebih rendah iaitu RM5,890 juta berbanding dengan RM5,975 juta dalam tahun 1996. Peruntukan tersebut terutamanya untuk kerja-kerja penyenggaraan, sewaan, kemudahan dan perhubungan dan bekalan barang-barang bagi meningkatkan jentera pentadbiran dan perkhidmatan Kerajaan. Peruntukan bagi komponen ini berjumlah RM3,936 juta atau 66.8% daripada jumlah peruntukan perkhidmatan dan bekalan. Peruntukan untuk **pencen dan ganjaran** juga berkurangan pada tahun 1997 memandangkan pelarasan dan bayaran tunggakan pelarasan gaji telah pun selesai pada tahun 1996. Sumbangan tahunan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen kekal sebanyak RM820 juta. **Pemberian dan serahan** kepada kerajaan-kerajaan negeri dijangka meningkat 4.9% kepada RM1,556 juta terutamanya disebabkan pertambahan peruntukan pemberian jalan, pemberian mengikut kepala dan pemberian bagi jabatan gunasama yang lebih tinggi. Peruntukan untuk **subsidi** meningkat 6.4% kepada RM753 juta, terutamanya kerana pertambahan subsidi bagi keluaran petroleum. Pertambahan subsidi keluaran petroleum meningkat daripada RM140 juta pada tahun 1996 kepada RM162 juta pada tahun 1997, sementara subsidi buku teks bertambah daripada RM94 juta pada tahun 1996 kepada RM104 juta tahun 1997.

Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus lain yang merupakan 20% dari peruntukan mengurus dijangka berkurangan sebanyak 4.2%. Ini termasuklah pemberian kepada badan-badan berkanun, biasiswa dan bantuan pelajaran, pembelian aset, pemberian mengurus kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah serta pulangan balik dan hapuskira. Pemberian kepada Badan Berkanun meningkat 37.2% kepada RM1,369 juta disebabkan peruntukan yang lebih tinggi kepada institusi-institusi pelajaran tinggi.

Peruntukan bagi biasiswa dan bantuan pelajaran berjumlah RM629 juta sementara pemberian mengurus sekolah-sekolah rendah dan menengah dijangka berjumlah RM682 juta. Sejumlah RM1,183 juta diperuntukkan bagi pembelian kelengkapan pejabat dan mengubahsuai bangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM265 juta akan dibelanjakan untuk pembelian komputer. Ini merupakan salah satu program untuk mempertingkatkan mutu pentadbiran untuk menuju kearah perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan.

Dari segi klasifikasi mengikut sektor, sektor perkhidmatan sosial merupakan sektor paling banyak mendapat peruntukan iaitu berjumlah RM14,532 juta atau 34.8% daripada jumlah perbelanjaan mengurus, terutamanya sektor kecil pelajaran dan kesihatan yang merupakan 90.7% daripada jumlah peruntukan sektor sosial. Peruntukan bagi sektor **keselamatan** dijangka berjumlah RM6,432 juta atau 15.2% daripada jumlah peruntukan mengurus. Pentadbiran am yang merupakan 12.2% daripada jumlah peruntukan mengurus adalah sektor ketiga terbesar sementara sektor perkhidmatan ekonomi dijangka mendapat peruntukan sebanyak RM4,048 juta atau 9.7% daripada peruntukan mengurus.

Peruntukan Pembangunan

Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan tahun 1997 berjumlah RM16,769 juta iaitu bertambah sebanyak 12.2%. Peruntukan bagi sektor **perkhidmatan ekonomi** berjumlah RM7,948 juta dan kekal sebagai penerima terbesar iaitu 47.4% dari jumlah peruntukan pembangunan. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam akan diperluaskan bagi mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi. Sebanyak 65% daripada jumlah peruntukan sektor ini akan digunakan untuk projek-projek infrastruktur. Peruntukan bagi sektor kecil pengangkutan berjumlah RM4,063 juta, di mana RM2,934 juta untuk jalan raya dan jambatan dan RM889 juta untuk pengangkutan rel. Sejumlah RM2,438 juta daripada peruntukan untuk jalan raya dan jambatan akan dibelanjakan di kawasan bandar, RM88.5 juta bagi membina jalan raya dan jejantas di Kuala Lumpur dan baki RM482 juta untuk jalan raya di luar bandar. Projek-projek sambungan yang besar dalam tahun 1997 termasuklah projek Jalan Lingkaran Tengah II, Projek Tambak Johor, jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Berang, Jalan Kuala Kangsar-Grik dan projek-projek jalan di Sabah dan Sarawak. Selain

itu, pembinaan jalan akan dipercepatkan melalui pendekatan 'fast-track', khususnya melalui penswastaan. Projek-projek ini termasuklah lebuh raya Kuala Lumpur-Karak, projek Sambungan Tengah Utara Selatan, Lebuh raya Shah Alam, projek menaikkan taraf jalan Cheras-Kajang dan Lebuh raya Damansara-Puchong-Putrajaya. Sejumlah RM155.7 juta akan diperuntukkan bagi menaikkan taraf lapangan terbang Pulau Tioman dan Langkawi, pembinaan lapangan terbang baru Tawau serta meningkatkan taraf kemudahan di lapangan terbang lain. Tumpuan juga terus diberikan bagi memperlengkap kemudahan asas di luar bandar. Sebanyak RM130 juta diperuntukkan bagi menyanggah jalan-jalan luar bandar sementara RM130 juta untuk bekalan elektrik dan RM118 juta bagi bekalan air di luar bandar.

Pertanian dan pembangunan luar bandar masih diberi keutamaan dalam sektor perkhidmatan ekonomi dengan diperuntukkan sebanyak RM1,350 juta atau 17% daripada jumlah peruntukan sektor perkhidmatan ekonomi, terutamanya untuk pembangunan pertanian, tanah, pengairan dan saliran dan program penanaman semula getah. Bagi pertanian, tumpuan dijuruskan kearah meningkatkan produktiviti dan persaingan di sektor tersebut serta memoden dan mengkomersial sektor kecil pekebun-pekebun kecil.

Program perdagangan dan industri diperuntukkan sebanyak RM1,403 juta atau 17.7% daripada peruntukan sektor perkhidmatan ekonomi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM616 juta atau 43.9% akan dibelanjakan untuk pembangunan industri, khususnya dalam bentuk pinjaman dan pemberian kepada agensi-agensi Kerajaan. Keutamaan akan terus diberikan kepada galakan penyelidikan dan ciptaan industri sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan Kerajaan yang penting. Bagi tujuan ini, sejumlah RM528 juta telah di peruntukkan pada tahun 1997. Kerajaan akan terus menyediakan berbagai kemudahan infrastruktur dan menggalakkan Malaysia sebagai destinasi pelancungan yang menarik. Sebanyak RM178 juta akan diperuntukkan bagi program pelancongan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Peruntukan bagi sektor **perkhidmatan sosial** merupakan sektor kedua terbesar iaitu 30% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Peruntukan bagi pelajaran, komponen terbesar

di bawah sektor perkhidmatan sosial dijangka bertambah sebanyak 23.9% kepada RM2,354 juta. Sejumlah RM490 juta akan digunakan untuk pembinaan dan menaikkan taraf 766 buah sekolah. Sebanyak RM484 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan dan menaikkan taraf politeknik, sekolah teknik dan vokasional sementara RM767 juta untuk institusi pengajian tinggi. Pertambahan peruntukan tersebut menunjukkan komitmen yang berterusan daripada Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di negara ini. Peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan juga lebih tinggi, meningkat sebanyak 14.7% kepada RM579 juta. Peruntukan yang lebih besar ini adalah untuk pembaikan dan penambahan kemudahan kesihatan di hospital-hospital Kerajaan. Peruntukan bagi perumahan akan meningkat sebanyak 113.3% kepada RM929 juta. Sebanyak RM479 juta akan dibelanjakan bagi projek-projek perumahan angkatan tentera, polis Diraja, penempatan semula setinggan di Kuala Lumpur dan pembinaan rumah kerajaan di KLIA dan sejumlah RM90 juta untuk pembinaan rumah-rumah guru di kawasan luar bandar dan RM63 juta untuk rumah kos rendah. Sebanyak RM1,174 juta atau 23.3% daripada peruntukan sektor perkhidmatan sosial adalah untuk penerangan dan penyiaran, kebudayaan, program sukan dan remaja dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain.

Peruntukan bagi sektor **keselamatan** dijangka berjumlah RM2,776 juta, berkurangan sebanyak 2.3% berbanding dengan kejatuhan sebanyak 1.6% pada tahun 1996. Sebahagian besar daripada peruntukan tersebut adalah untuk bayaran kemajuan pembelian peralatan. Sebanyak RM445 juta atau 16% daripada jumlah peruntukan sektor keselamatan adalah untuk keselamatan dalam negeri, khususnya projek-projek dibawah Polis Diraja Malaysia seperti pusat rawatan pemulihan dadah dan pagar keselamatan sempadan.

Peruntukan pentadbiran am pula berjumlah RM1,009 juta atau 6% daripada jumlah peruntukan pembangunan 1997. Hampir kesemua peruntukan tersebut adalah untuk projek-projek di bawah perkhidmatan jabatan dan Kementerian Luar Negeri. Sebanyak RM977 juta atau 97% adalah untuk perkhidmatan jabatan sementara bakinya untuk perkhidmatan luar negeri.